

02/07/2001

Tabung pemulihan DTC terima sumbangan RM115,429.47

KUALA LUMPUR, Ahad - Tabung Pemulihan Dewan Tunku Canselor (DTC) Universiti Malaya (UM) anjuran akhbar New Straits Times (NST) menerima sumbangan RM115,429.47 sehari selepas penubuhan tabung itu diumumkan.

Sumbangan itu termasuk derma peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebanyak RM600 yang disampaikan kepada Pengarang Kumpulan NST, Datuk Ahmad A Talib pada majlis Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru di Universiti Malaya (UM), di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyerahkan sumbangan bernilai RM5,526.47 kepada Ahmad yang dikumpul Kumpulan Pelajar Prihatin UM yang diterajui Presidennya, Azham Abdul Ghani.

Tabung itu bertujuan mengumpul wang bagi pembinaan semula dewan bersejarah berusia 35 tahun itu yang musnah akibat kebakaran awal pagi kelmarin.

Sementara itu, Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tun Dr Ismail Jaya menyerahkan RM500 hasil kutipan daripada ahlinya bagi membantu pembaikpulihan DTC.

Yang Dipertua persatuan, Profesor Madya Dr Mohd Hashim Mohd Kamil, berkata kutipan itu bukti sifat prihatin masyarakat negara ini.

"Kami juga akan melancarkan kutipan daripada pelajar bagi memupuk sifat prihatin dan saling membantu di kalangan mereka," katanya yang datang ke Balai Berita, di sini.

Biro Perkhidmatan dan Pengaduam Awam MCA yang diketuai Michael Chong, turut menyumbang RM2,000.

Katanya, menjadi tanggungjawab semua rakyat Malaysia memastikan institusi berkenaan dibina semula menerusi konsep bergotong-rotong.

Seorang ahli perniagaan, Jeffery Sek menyumbang RM5,000 selepas mengetahui kebakaran dewan itu, kelmarin.

"Dewan itu meninggalkan banyak kenangan kepada saya kerana terbabit mengambil gambar setiap kali konvokesyen sejak 20 tahun lalu," katanya.

Seorang bekas graduan UM, Dr Pola Singh dari Taman Tun Dr Ismail turut menyumbang RM1,001, manakala dua orang anaknya Divakaran, 10, dan Priyanka Nair, 7, pelajar Sekolah Rendah Sri Hartamas menyampaikan cek bernilai RM101.

Di KOTA BHARU, Ahli Parlimen Kubang Kerian, Husam Musa yang juga bekas graduan UM menyumbang RM500.

"Ini adalah sumbangan saya bagi membaik pulih DTC yang berjaya melahirkan ramai graduan termasuk diri saya," katanya yang mengunjungi pejabat cawangan NST, di sini.

Sementara itu, aktivis sosial, Datuk Lee Lam Thye meminta rakyat Malaysia yang terkenal dengan sifat pemurah supaya menyumbang kepada tabung itu.

Sambil menyifatkan usaha NST itu sebagai tepat, beliau berkata, ini adalah peluang untuk mahasiswa dan graduan UM membalas budi kepada institusi pendidikan kebangsaan mereka.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak, pula berkata ahli kesatuan itu bersedia menyahut usaha murni NST itu.

"Kami akan menggalakkan pekerja supaya memberi sumbangan," katanya.

(END)